



PENDAHULUAN

- Pada **9 Jun 2025** YAB Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bil. 1/2025** yang diurusetikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan turut dihadiri oleh YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Agensi-agensi Teknikal serta Agensi-agensi Tindak Balas. Antara fokus utama mesyuarat adalah untuk membincangkan persiapan pelbagai agensi untuk menghadapi Monsun Barat Daya (MBD) yang dijangka akan membawa cuaca yang lebih kering dan kebanyakan negeri akan mengalami lebih banyak bilangan hari tanpa hujan. Agensi-agensi Teknikal, Agensi-agensi Tindak Balas dan JPBN bersedia mengambil langkah yang sewajarnya untuk bersama-sama menghadapi situasi ini.
- Pada 12 Jun 2025, NADMA telah mengadakan Sesi Libat Urus Persiapan Kerajaan menghadapi MBD tahun 2025 sebagai langkah perkongsian serta penyampaian maklumat kepada pihak media massa berhubung persiapan kerajaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana sepanjang tempoh MBD.



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 5 OGOS 2025)

- Musim **MBD** telah bermula pada **10 Mei 2025** dan akan berterusan sehingga **September 2025** berikutan keadaan angin yang mula bertiup secara konsisten dari arah barat daya ke rantau negara kita. Sepanjang musim ini, kadar kelembapan udara lazimnya adalah rendah menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan di kebanyakan tempat. Sehubungan itu, negara akan menerima jumlah hujan yang lebih rendah berbanding tempoh lain dengan bilangan hari tanpa hujan adalah lebih banyak berbanding bilangan hari hujan. Semasa kemuncak musim ini pada Julai hingga September, fenomena jerebu setempat dan rentas sempadan boleh berlaku sekiranya aktiviti pembakaran terbuka tidak dikawal.
- Secara amnya, rantau negara menerima tiupan angin baratan sepanjang tempoh ramalan. **Ribut Tropika Co-may** yang berada di luar kawasan pemantauan dijangka bergerak ke arah barat laut dengan kelajuan 10 km/jam. Begitu juga **Ribut Tropik Kuat Krosa** yang berada luar kawasan pemantauan dijangka bergerak ke arah utara dengan kelajuan 10 km/jam.

- Pembentukan garis badai yang membawa ribut petir/hujan lebat berserta angin kencang masih berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia serta barat Sabah dan utara Sarawak pada awal pagi. Manakala, ribut petir dijangka berlaku di pedalaman dan pantai timur Semenanjung serta timur Sabah dan selatan Sarawak pada waktu petang dan malam.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada **29 Julai 2025 jam 4.00 petang**, terdapat **16 buah daerah** iaitu **Pasir Puteh** dan **Machang** di Kelantan; **Kampar** di Perak; **Temerloh, Maran, Pekan** dan **Rompin** di Pahang; **Kota Marudu, Pitas, Beluran, Telupid, Sandakan, Tenom** dan **Keningau** di Sabah; serta **Mukah** dan **Limbang** di Sarawak telah mencatatkan cuaca panas **Tahap 1** seperti di **Lampiran 1**. Bagi tempoh dari **30 Julai - 5 Ogos 2025** dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tahap amaran paling maksima yang akan dikeluarkan adalah pada Tahap 1 sahaja.
- Untuk rujukan, **Tahap 1 (berjaga-jaga)**: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), **Tahap 2 (gelombang haba)**: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan **Tahap 3 (gelombang haba ekstrem)**: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Tiada hebahan ramalan kemarau bagi lembangan sungai di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sehingga 29 Julai 2025.
- Dua stesen kadar alir menunjukkan kadar alir sungai di bawah normal iaitu **Sungai Pahang di Temerloh, Pahang** dan **Sungai Galas di Dabong, Kuala Krai, Kelantan** yang telah dikemaskini pada 29 Julai 2025.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #02

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 JULAI 2025

2



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Bagi status pencemaran udara terkini terkini pada **30 Julai 2025 jam 10.00 pagi**, **tiada kawasan** yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 seperti di **Lampiran 2**.
- Untuk rujukan, bacaan IPU 0 - 50 (**baik**), 51 - 100 (**sederhana**), 101 - 200 (**tidak sihat**), 201 - 300 (**amat tidak sihat**) dan melebihi 300 (**merbahaya**).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)



STATUS JEREBU SERANTAU

- Output Model *Hybrid Single-Particle Lagrangian Integrated Trajectory* (HYSPLIT) menunjukkan ramalan trajektori jerebu bagi tempoh 72 jam bermula 30 Julai 2025 jam 2.00 pagi hingga 2 Ogos 2025 jam 2.00 pagi seperti di **Lampiran 3**. Trajektori asap jerebu dari Sumatera dijangka memberi kesan jerebu impak sederhana kepada barat dan tengah Semenanjung Malaysia sepanjang tempoh ramalan. Manakala, trajektori asap jerebu dari Kalimantan pula dijangka memberi kesan jerebu impak sederhana ke barat Sarawak hanya pada awal tempoh ramalan.
- Berdasarkan kepada imej satelit NOAA-20 pada 29 Julai 2025 yang direkodkan oleh *Asean Specialized Meteorological Centre* (ASMC) seperti di **Lampiran 4**, bilangan titik panas menunjukkan satu titik panas dikesan di Semenanjung Malaysia manakala 28 titik panas dikesan di Sabah dan Sarawak. **Kalimantan menunjukkan peningkatan ketara dengan 359 titik panas dikesan** manakala di Sumatera terdapat 32 titik panas dikesan.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS STORAN EMPANGAN

- Sehingga **30 Julai 2025**, terdapat **satu empangan** yang menunjukkan penyusutan baki stok simpanan semasa air mentah dan berada pada paras **bahaya**, iaitu **Empangan Bukit Merah di Perak (15.05%)** seperti di **Lampiran 5**.
- Empangan Bukit Merah telah berada di bawah paras normal sejak 17 Jun 2025. Pejabat Operasi Empangan Bukit Merah telah menghentikan bekalan pengairan setelah paras air mencapai bawah 6.1 meter dan hanya membekalkan air ke loji-loji Lembaga Air Perak (LAP) berkuatkuasa 21 Julai 2025.
- Untuk rujukan, baki storan 29.99% dan ke bawah (**bahaya**), 30% hingga 59.99% (**amaran**) serta 60% dan ke atas (**normal**).

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pada **29 Julai 2025**, terdapat **satu** kes penyakit berkaitan dengan cuaca panas dilaporkan. Kumulatif kes berkaitan dengan cuaca panas bagi tahun 2025 adalah **40 kes**. Pecahan kes mengikut diagnosis adalah **36 kes kelesuan haba** dan **empat kes strok haba exertional**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 12 kes di Selangor, enam kes di Sabah, lima kes masing-masing di Melaka dan Johor, tiga kes masing-masing di Terengganu dan Negeri Sembilan dan dua kes masing-masing di Perak, Pahang dan Kedah. Pecahan kes mengikut umur adalah **22 kes remaja**, **17 kes dewasa** dan **satu kes warga emas**.
- **Tiada kes kematian berkaitan cuaca panas dilaporkan** dari 1 Januari 2025 hingga 22 Julai 2025. Kesemua kes penyakit berkaitan cuaca panas telah sembuh dan dicaj dari pusat rawatan.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #02

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 JULAI 2025

3



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAAN OLEH AGANSI KERAJAAN

- **Mesyuarat Penyelarasan Operasi Pembenihan Awan (OPA)** telah dilaksanakan pada **13 Jun 2025** untuk **Empangan Malut, Langkawi, Kedah** berikutan penyusutan paras air di empangan tersebut pada **tahap waspada**. Berdasarkan mesyuarat tersebut, mesyuarat bersetuju bahawa **tiada keperluan untuk melaksanakan OPA bagi Empangan Malut, Langkawi, Kedah buat masa ini** setelah meneliti laporan teknikal dan pandangan daripada setiap ahli mesyuarat.
- **Mesyuarat Penyelarasan OPA** telah dilaksanakan sekali lagi pada **18 Julai 2025** untuk **Empangan Bukit Merah, Perak** berikutan penyusutan paras air di empangan tersebut pada **tahap kritikal**. Berdasarkan mesyuarat tersebut, mesyuarat bersetuju bahawa **pelaksanaan OPA bagi Empangan Bukit Merah belum sesuai dilaksanakan ketika ini. Operasi ini akan dilaksanakan setelah menerima laporan teknikal berkenaan kesesuaian cuaca dan atmosfera semasa daripada pihak MET Malaysia termasuk ketersediaan pesawat TUDM.**
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** juga telah mengeluarkan surat peringatan pengoperasian institusi pendidikan di bawah KPM semasa cuaca panas. Institusi pendidikan perlu mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh KPM seperti yang berikut:
 - (a) Surat Siaran KPM Bilangan 2 Tahun 2024: Ketetapan Pemakaian Pakaian Seragam Oleh Murid Sekolah Bawah KPM Mulai Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 Bertarikh 29 Januari 2024;
 - (b) Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2023: Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas Bertarikh 6 Jun 2023;
 - (c) Surat Siaran KPM Bilangan 1 Tahun 2023: Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas Bertarikh 28 April 2023; Dan
 - (d) Surat Siaran KPM Bilangan 1 Tahun 2019: Langkah-langkah KPM Bagi Menjamin Kesihatan Dan Keselamatan Murid-murid Di Sekolah-sekolah Yang Berada Dalam Kawasan Berjerebu Yang Dianggap Kritikal Bertarikh 15 Januari 2019.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melalui Bahagian Pendidikan Kesihatan giat menjalankan hebahan mengenai penjagaan kesihatan semasa cuaca panas, antara hebahan yang dilakukan adalah:
 - (a) kekal sihat pada musim panas;
 - (b) golongan berisiko tinggi semasa cuaca panas;
 - (c) panduan penjagaan warga emas dengan demensia;
 - (d) jangan dedahkan diri kepada cuaca panas dalam tempoh yang lama; dan
 - (e) jaga diri semasa jerebu.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** telah mempertingkatkan rondaan serta pemantauan fizikal secara intensif di kawasan-kawasan berisiko tinggi berlaku kebakaran, khususnya di kawasan pertanian, tanah gambut, semak samun, ladang terbiar dan tapak pelupusan sampah yang dikenal pasti mudah terbakar. Langkah ini merupakan inisiatif strategik bagi memperkukuh pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di lapangan, terutamanya dalam usaha membendung aktiviti pembakaran terbuka yang menyumbang kepada peningkatan risiko jerebu. Selaras dengan situasi semasa, **Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan** dan **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** telah diaktifkan sejak 26 Februari 2025 bagi menyelaras tindakan antara agensi kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan situasi jerebu di peringkat nasional.

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)

- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA


Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi.
- ✓ Hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Menyimpan bekalan air secukupnya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.




STATUS CUACA PANAS
PADA 29 JULAI 2025 JAM 4.00 PETANG



Tahap 1	KELANTAN (Pasir Puteh & Machang), PERAK (Kampar), PAHANG (Temerloh, Maran, Pekan & Rompin), SABAH (Kota Marudu, Pitas, Beluran, Telupid, Sandakan, Tenom & Keningau), SARAWAK (Mukah & Limbang)
Tahap 2	-
Tahap 3	-



INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)
PADA 30 JULAI 2025 JAM 10.00 PAGI



Total Station : 68

Good	Moderate	Unhealthy	Very Unhealthy	Hazardous	API
0 - 50	51 - 100	101 - 200	201 - 300	Above 300	Not Available
2	66	0	0	0	0
Stations	Stations	Stations	Stations	Stations	Stations



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #02

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


30 JULAI 2025

6

Lampiran 3

RAMALAN TRAJEKTORI JEREBU BAGI TEMPOH 72 JAM

BERMULA 30 JULAI 2025 JAM 2.00 PAGI HINGGA 2 OGOS 2025 JAM 2.00 PAGI




Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



BILANGAN TITIK PANAS SERANTAU

PADA 29 JULAI 2025



KAWASAN		TARIKH						
		23/7	24/7	25/7	26/7	27/7	28/7	29/7
Indonesia	Kalimantan	91	154	80	77	78	109	359
	Sumatra	42	22	32	37	23	38	32
Malaysia	Sabah & Sarawak	11	17	7	28	5	16	28
	Semenanjung	2	1	0	1	2	4	1

Petunjuk: meningkat menurun kekal

Sumber: Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #02

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


30 JULAI 2025

8

Lampiran 5

STATUS STORAN EMPANGAN

PADA 30 JULAI 2025



Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)